

PERSPEKTIF MAHASISWA TERHADAP FAKTOR PENGANGGURAN SISWAZAH DI MALAYSIA

Fazilah Mohd Othman
fazilah@uum.edu.my

Rozita Abdul Mutalib

Riska Manjamain

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau pandangan mahasiswa tentang faktor pengangguran siswazah di Malaysia. Fenomena pengangguran telah menjadi isu yang sering berbangkit di Malaysia sejak dua abad yang lalu. Walaupun faktor luaran seperti keadaan atau kestabilan ekonomi global selalunya menjadi tunggak pengaruh pasaran buruh dan kadar pengangguran secara tidak langsung, namun faktor dalaman juga tidak kurang pentingnya. Ini kerana faktor dalaman ini mempunyai perkaitan secara langsung dengan diri individu. Kajian ini mengenalpasti dan menganalisis lima faktor pengangguran iaitu: Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal, Sikap memilih pekerjaan, Kegagalan penguasaan Bahasa Inggeris, Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga dan Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan. Seramai 351 orang responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan dalam kajian kuantitatif ini. Responden tersebut terdiri daripada para pelajar yang mengikuti pelbagai program Ijazah Sarjana Muda Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian antarabangsa di kampus induk UUM. Dapatan kajian menunjukkan Sikap memilih pekerjaan merupakan faktor yang paling mempengaruhi pengangguran. Secara kesimpulan, kerjasama semua pihak termasuk usaha dan intervensi kerajaan juga dibincangkan dalam menangani pengangguran.

Kata Kunci: Faktor pengangguran, Ekonomi, Mahasiswa, Universiti, Kerajaan

Pengenalan

Pengangguran merupakan suatu fenomena yang semestinya dialami oleh negara yang membangun mahupun negara maju akibat kesan ekonomi dalam negara dan serantau. Ia melibatkan pelbagai aspek seperti kerajaan sesebuah negara, dasar yang diwujudkan, sektor industri, majikan dan rakyat dalam negara itu sendiri. Walaubagaimanapun, kadar pengangguran di bawah tahap empat peratus masih dianggap kadar sifar pengangguran dalam ertikata ekonomi kontemporari. Berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2016 yang dipetik dari Dian Hikmah Mohd Ibrahim dan Mohd Zaidi Mahyuddin (2017), golongan muda di seluruh dunia telah menerima impak yang buruk selepas kejadian krisis kewangan global. Perkara ini disebabkan oleh kemelesetan yang teruk, persekitaran ekonomi yang lembap, pemulihan yang perlahan dan

pertambahan pekerjaan yang agak rendah, menjadikan keadaan ekonomi tidak mengalami pertumbuhan yang baik (Nur Farah Effa, 2016).

Kadar pengangguran belia secara global meningkat kepada 13.2 peratus pada tahun 2013 daripada 11.7 peratus, iaitu kadar sebelum krisis pada tahun 2007. Selain itu, kadar pengangguran belia dikatakan tiga kali ganda daripada kadar pengangguran orang dewasa dan lebih dua kali ganda kadar pengangguran global. Angka tersebut meliputi lebih daripada 70 juta golongan muda di seluruh dunia yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organisation-ILO*), 2016 menyatakan polar kadar pengangguran golongan muda terus meningkat khususnya bagi negara yang sedang pesat membangun (Nur Farah Effa, 2016). Pengangguran yang semakin meningkat boleh menjejaskan aktiviti atau program yang akan dijalankan dalam sesebuah negara. Malah secara tidak langsung juga akan mempengaruhi risiko seperti kemiskinan, ketidakstabilan ekonomi.

Pengangguran di kalangan siswazah juga termasuk dalam kategori golongan belia ini. Sejak dari tahun 2004 isu ini mula mendapat perhatian banyak pihak. Namun demikian tiada statistik yang jitu dapat di perolehi sekitar tahun 2004 hingga 2007, tetapi dianggarkan sekitar 60,000 hingga 80,000 siswazah dilaporkan tidak mendapat pekerjaan. Angka ini kemudian meningkat tahun demi tahun, sejajar dengan kadar semasa graduan (Fazilah & Norshafizah, 2019; Zolkifli, 2015). Pelbagai kajian dan tindakan susulan diambil dalam menangani masalah ini. Siti Hajar Abdul Rauf dan Maimunah Abdul Rauf (2012) menyifatkan pengangguran dalam kalangan graduan adalah disebabkan oleh peningkatan yang pesat dalam perkembangan jumlah tenaga kerja. Perkara ini seterusnya menyebabkan berlakunya persaingan sengit antara graduan dalam mendapatkan pekerjaan kerana permintaan pekerjaan yang tinggi berbanding penawaran pekerjaan. Siti Suleha Woli Muhammad (2013) pula dalam laporan kajiannya mendapati antara aspek pengangguran di kalangan siswazah adalah disebabkan tidak mempunyai kemahiran insaniah, Bahasa Inggeris, bidang pengajian tidak bertepatan dan kurang pengalaman kerja.

Dalam kajian lain, Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof dan Abd Hair Awang (2015) merungkai tentang kewujudan ketidaksepadanan (*mismatch*) antara penyediaan graduan dan juga pasaran kerja tempatan. Melalui kajian ini, pihak pengkaji ingin menyeru atau menyatakan pendapat mereka terhadap pembuat dasar dan pihak Institut Pendidikan Tinggi (IPT) mengenai tahap prestasi semasa graduan yang sedang bekerja dan kemahiran yang sebenarnya diinginkan oleh pihak industri. Perkara ini disebabkan pandangan umum yang seolah-olah menyalahkan universiti kerana gagal mengeluarkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran industri mahupun majikan adalah semakin tinggi (Goh, 2007). Dapatan kajian mereka menyatakan bahawa majikan beranggapan bahawa di kalangan graduan terdapat jurang yang besar dalam kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal. Seterusnya diikuti oleh nilai-nilai etika, kemahiran berfikir, kepimpinan, membuat keputusan dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, perancangan kerja dan kemahiran lain.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk meninjau persepsi atau pandangan mahasiswa mengenai faktor yang mempengaruhi pengangguran di kalangan siswazah di Malaysia. Lima faktor telah dikenalpasti dan akan dianalisa, yakni Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal, Sikap memilih pekerjaan, Kegagalan penguasaan bahasa inggeris, Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga dan Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan. Dua objektif khusus kajian ini ialah:

- a) Menganalisis tahap persepsi mahasiswa terhadap faktor pengangguran tersebut.
- b) Mengenalpasti faktor mana yang paling mempengaruhi persepsi mahasiswa terhadap pengangguran.

Faktor Pengangguran

Pengangguran mempunyai kaitan secara langsung dengan isu politik, ekonomi dan sosial. Isu ini merupakan masalah yang sangat serius terutamanya bagi negara membangun. Ini kerana, apabila sesebuah negara mengalami krisis ekonomi, negara tersebut terpaksa mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pungutan cukai. Ekoran itu, syarikat yang menjalankan perniagaan dalam negara tersebut juga menghadapi kos yang semakin meningkat dan akan mengurangkan ambilan tenaga buruh sekaligus melakukan pembuangan tenaga kerja bagi mengurangkan perbelanjaan syarikat. Dengan berlakunya permintaan tenaga buruh yang semakin berkurangan, maka lebihan penawaran tenaga buruh dalam pasaran juga akan meningkat (Norhayati, Ishak & Rahmah, 2012). Terdapat banyak faktor pengangguran yang telah diutarakan oleh kajian terdahulu. Namun demikian, berikut adalah antara lima faktor yang sering dibangkitkan:

Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal

Kemahiran teknikal merupakan keupayaan seseorang untuk menggunakan kepakaran atau pengetahuan secara spesifik dan mengikut prosedur. Sebagai contoh, kemahiran dalam bidang kejuruteraan, perakaunan, atau kewangan. Bidang ini tidak hanya bergantung kepada pengetahuan teori sahaja, tetapi juga memerlukan latihan yang sesuai dan pengalaman. Penguasaan kemahiran teknikal dan vokasional dalam kalangan tenaga buruh mampu menarik pelabur asing ke dalam Malaysia. Bagi merealisasikan wawasan ekonomi di negara perindustrian utama, lulusan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan tenaga kerja yang paling signifikan. Ini kerana TVET lebih banyak menyediakan kaedah pendidikan atau latihan yang berorientasikan amali berbanding kaedah pengajian ilmiah yang berorientasikan teori (*MyNewsHub*, 2016). Kekangan memiliki kemahiran teknikal dikatakan menjadi salah satu punca utama kepada kegagalan untuk mendapatkan pekerjaan, sekaligus tidak dapat bersaing dengan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran teknikal (Zafir, Ishak & Abd Hair, 2015, Zolkifli, 2015).

Sikap memilih pekerjaan

Nursyamimi Saidi (2015) melaporkan bahawa ramai graduan yang tidak memiliki pekerjaan adalah disebabkan sikap graduan itu sendiri. Hal ini turut diakui oleh Datuk Azlin Ahmad Shaharbi selaku Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia (Peniagaawati) bahawa, graduan terlalu memilih pekerjaan kerana merasakan bahawa pekerjaan yang ada tidak setaraf dengan kelulusan yang dimiliki. Selain itu, ramai graduan yang tidak suka menyahut cabaran dalam mengambil peluang untuk mempelajari ilmu atau kemahiran baharu. Mereka tidak ingin keluar daripada zon selesa mereka kerana takutkan risiko yang bakal dihadapi oleh mereka (Minderjeet, 2016).

Antara alasan yang selalu diberikan adalah gaji yang ditawarkan tidak cukup, tidak mempunyai pengangkutan, dan tidak ingin berjauhan dengan keluarga di kampung. Faktor ini turut disokong oleh Datuk Lokman Noor Adam iaitu Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) menyatakan bahawa sikap terlalu memilih pekerjaan adalah penyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran dalam Malaysia. Kebanyakan mereka tidak mahu terlibat dengan pekerjaan yang melibatkan tiga “D” iaitu *Dangerous, Dirty and Difficult* (Bahaya, Kotor dan Sukar). Beliau turut menyambung bahawa graduan yang menganggur hari ini bukan disebabkan ketiadaan pekerjaan, namun disebabkan sikap mereka sendiri (Utusan Borneo Online, 2017).

Kegagalan menguasai Bahasa Inggeris

Pada masa ini, penggunaan Bahasa Inggeris tidak lagi dipraktikkan oleh negara Barat sahaja, sebaliknya ianya sudah menjadi bahasa komunikasi atau universal bagi seluruh negara di dunia. Hal ini termasuklah bagi negara maju, negara membangun dan negara sedang membangun. Kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris oleh graduan Malaysia menjadi antara punca utama kepada kurang keyakinan diri dalam berinteraksi yang seterusnya mengakibatkan mereka memilih untuk berdiam sahaja (Siti Suleha, 2013; Ismail, Yussof & Lai, 2011).

Nor Zahidi Alis iaitu Ketua Pakar Ekonomi Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) turut mengulas jumlah graduan menganggur semakin meningkat kebelakangan ini walaupun asas pasaran buruh dalam keadaan baik. Ekoran itu, sebahagian daripada mereka yang menganggur adalah disebabkan lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Beliau berkata bahawa kemahiran berbahasa Inggeris antara kemahiran yang penting dan sangat dikehendaki oleh majikan. (*Free Malaysia Today*, 2018; Zaliza & Mohd Safarin, 2013).

Hasil laporan laman web *Afterschool.my* (2016) yang diambil berdasarkan kaji selidik *Jobstreest* turut mendapati bahawa lemah penguasaan Bahasa Inggeris iaitu sebanyak 64% menjadi punca graduan gagal memperolehi pekerjaan. Hal ini disebabkan kebanyakan syarikat besar mempunyai pelanggan yang majoritinya dari negara luar. Bagi melancarkan komunikasi dan mewujudkan hubungan kolaborasi dengan syarikat asing, kemahiran pekerja menguasai Bahasa Inggeris amatlah penting untuk berdaya saing.

Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga

Berdasarkan kenyataan Yasmin Siddik, Perunding Imej Positive Grooming Sdn. Bhd, masalah pengangguran yang dialami oleh graduan dalam negara berpunca daripada kelemahan mereka dalam menonjolkan diri semasa menghadiri sesi temuduga. Hal ini disebabkan mereka dinilai daripada pelbagai aspek seperti sikap, tahap keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Selain itu, beliau turut menambah bahawa graduan yang hadir sesi temu duga gagal mendapatkan pekerjaan kerana tidak mempunyai pengetahuan luas dan kurang persediaan yang rapi dalam aspek yang dinyatakan. (Zaliza & Mohd Safarin, 2013; Utusan Online, 2011).

Di samping itu, tidak semua graduan mempunyai pengetahuan tentang penampilan diri dan etika menghadiri temuduga. Faktor kebersihan juga menjadi aspek utama kepada panel temuduga untuk menilai personaliti dan sikap seseorang individu. Disebabkan kurang pengetahuan berkenaan aspek ini, maka ramai graduan yang tidak berjaya mempamerkan imej yang professional bagi mendapatkan pekerjaan seperti yang diharapkan.

Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan

Pengangguran juga berlaku disebabkan oleh pemilikan ijazah atau kemahiran yang tidak selari dengan jawatan yang dipohon. Ramai graduan yang mempunyai kelulusan akademik yang lain, terjun ke dalam bidang yang baharu dalam dunia pekerjaan. Sebagai contoh, graduan yang tidak mempunyai ijazah pendidikan diterima bekerja di sesebuah sekolah. Sementara itu, graduan yang memiliki ijazah pendidikan terpaksa menunggu panggilan dan menganggur untuk seketika waktu sambil memohon pekerjaan di bidang pendidikan. Perkara ini jelas menunjukkan ketidaksamaan antara kemahiran dan kelulusan akademik yang seterusnya merangsang kadar pengangguran. Ramai graduan yang mempunyai kelulusan akademik yang lain memohon untuk mendapat jawatan yang tidak sama dalam bidang pekerjaan (Ismail, Yussof & Lai, 2011). Perkara ini seterusnya menjadikan proses pengambilan pekerja baru menjadi satu masalah dalam bidang pekerjaan. Disamping Lima faktor di atas, sorotan kajian juga melaporkan faktor lain yang menjadi penyebab pengangguran di Malaysia.

Dalam laporan berita Rokatini (2017) yang bertajuk “Graduan universiti semakin ramai, peluang pekerjaan terhad”, menyatakan bahawa peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang berpendidikan tinggi adalah tidak selari dengan penawaran peluang pekerjaan dalam Malaysia. Ini bermakna peluang pekerjaan yang ditawarkan bagi golongan berpendidikan tinggi adalah terhad sehingga menyebabkan golongan ini terpaksa menganggur, manakala sebahagiannya berkerja di tempat yang tidak memerlukan sebarang kelayakan universiti.

Faktor pencapaian akademik juga memainkan peranan dalam mencari pekerjaan. Menurut Nur Rahimah Ahmad Rahim (2017), keputusan akademik menjadi syarat dalam sesebuah organisasi atau tempat pekerjaan untuk memilih pekerja yang mereka inginkan. Kemahiran insaniah dan

kemahiran teknikal sememangnya penting dalam bidang pekerjaan, namun pada masa ini, majikan lebih memilih untuk melihat keputusan akademik sebelum memanggil calon ke proses temuduga. Buktinya, ramai majikan kini menetapkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.00 ke atas sebagai syarat untuk memohon pekerjaan.

Selain peluang dan pencapaian akademik, sikap malas graduan juga boleh menjejaskan proses pencarian kerja. Hasil laporan Muhammad Zulhairi Mohd Salleh (2014) ada menyatakan bahawa sikap graduan yang terlalu banyak berharap menjadi punca pengangguran dalam Malaysia. Ada graduan yang masih menganggur walaupun sudah setahun tamat pengajian. Graduan hanya bergantung sepenuhnya kepada permohonan pekerjaan melalui penghantaran resume secara atas talian atau email kepada syarikat. Perkara ini seterusnya menyebabkan mereka tidak lagi mencari pekerjaan secara separuh masa untuk menambah ilmu atau kemahiran sementara menunggu diterima atau tidak.

Selain itu, sikap ibu bapa dan pengaruh keluarga yang terlalu memanjakan keinginan anak mereka juga menjadi faktor malas kepada penganggur. Hal ini menyebabkan mereka meletakkan tanggungjawab mencari nafkah sepenuhnya kepada ibubapa dan berfikir bahawa mereka adalah tanggungjawab kepada orang tua mereka. Faktor inilah yang mendorong mereka untuk bersikap sambil lewa dan tidak terdesak untuk mendapatkan pekerjaan sendiri (Norhayati, Ishak & Rahmah, 2012).

Faktor terakhir ialah kebanyakan golongan bukan warganegara memasuki Malaysia dengan atau tanpa memiliki permit pendudukan atau dokumen yang sah. Lambakan pendatang asing ke dalam negara juga menjadi faktor persaingan pekerjaan. Menurut laporan Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad dan Fahmy Azril Rosli (2017), statistik Jabatan Imigresen Malaysia setakat bulan Jun 2017, mencatatkan seramai 1,781,598 pekerja asing sah yang berada dalam negara. Pekerja asing tersebut adalah daripada negara Indonesia, Nepal, Bangladesh, Myanmar, India, Pakistan, Vietnam, China, Thailand, Sri Lanka, Kemboja dan Laos. Statistik ini belum ditambah lagi dengan kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada dalam negara. Dalam sesetengah industri seperti pembinaan, memang pengambilan buruh asing mendapat permintaan yang lebih tinggi daripada buruh tempatan, tetapi sektor pembuatan dan perkhidmatan juga menjadi saingan dengan warga tempatan kerana tawaran gaji yang lebih murah (Siti Hajar & Maimunah, 2012).

Metodologi

Populasi kajian adalah sejumlah 4042 pelajar ijazah sarjana muda secara sepenuh masa pelbagai bidang daripada Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (College of Law, Government and International Studies-COLGIS) di kampus Sintok, Kedah. Terdapat empat pusat pengajian di COLGIS iaitu Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Pusat Pengajian Kerajaan (SOG), Sekolah Pengajian Antarabangsa (SOIS), dan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM). Berdasarkan pengiraan Krejcie dan Morgan (1970) dalam Chua

Yan Piaw (2011), lebih kurang 350 orang daripada jumlah keseluruhan 4042 pelajar perlu untuk dijadikan sampel.

Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan sumber dengan lebih tepat dan mudah. Item-item soalan dalam instrumen soal selidik diambil dan diubah suai daripada pengkaji terdahulu iaitu Nur Rahimah Ahmad Rahim (2017). Penggunaan instrumen soal selidik adalah disebabkan ianya lebih efisien untuk dijalankan dalam kalangan pelajar. Dengan itu, data dapat dianalisis dengan cepat dan mudah. Borang soal selidik mempunyai tiga bahagian, iaitu demografi, Item faktor pengangguran, dan soalan terbuka. Setiap Item mempunyai empat soalan. Untuk memastikan jumlah sampel mencukupi, sebanyak 400 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar melalui emel dan secara bersemuka. Daripada jumlah itu, 351 borang telah dikembalikan. Jadual 1 di bawah menunjukkan bacaan *Cronbach Alpha* (ujian kebolehpercayaan) bagi setiap item:

Jadual 1: Ujian kebolehpercayaan

Item	<i>Cronbach's Alpha</i>
Kegagalan Individu Memiliki Kemahiran Teknikal	0.898
Sikap Memilih Pekerjaan	0.526
Kegagalan Penguasaan Bahasa Inggeris	0.795
Kurang Persiapan Dalam Menghadiri Proses Temuduga	0.728
Kemahiran Yang Dimiliki Tidak Selari Dengan Jawatan	0.717
Purata	0.733

Jadual 1 menunjukkan hasil keputusan ujian *Cronbach's Alpha* bagi item faktor pengangguran dalam instrumen kajian. Secara purata, bacaannya adalah 0.733, yakni boleh diterima pakai, walaupun item 'Sikap memilih pekerjaan' agak rendah dengan bacaan 0.526.

Perbincangan

Hasil analisis diskriptif kajian dipaparkan dalam Jadual 2, 3 dan 4. Jadual 2 menghurakan latar belakang demografi responden. Manakala jadual 3 dan 4 merumuskan skor min tahap persepsi pelajar terhadap faktor pengangguran dan faktor yang paling mempengaruhi pengangguran daripada Lima yang dinyatakan. Total responden kajian adalah seramai 351 orang pelajar.

Jadual 2: Laporan demografi responden

Karakteristik		Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	59	16.8
	Perempuan	292	83.2
Bangsa	Melayu	271	77.2
	Cina	41	11.7
	India	19	5.4
	Lain	20	5.7
Kelayakan	STPM	184	52.4
	Matrikulasi	75	21.4
	Diploma	59	16.8
	Lain	33	9.4
Umur	20-21	53	15.1
	22-23	249	71.0
	24-25	33	9.4
	26-29	16	4.5
Total sampel (n)=351			

Taburan demografi dalam Jadual 2 menunjukkan seramai 59 orang responden lelaki iaitu 16.8% peratus dan seramai 292 orang responden perempuan iaitu 83.2% telah menjawab soal selidik kajian ini. Seramai 271 orang adalah berbangsa Melayu dan merupakan jumlah tertinggi dalam kajian ini iaitu 77.2%. Statistik ini disusuli dengan pelajar berbangsa Cina seramai 41 orang, iaitu 11.7% dan, seterusnya 19 orang adalah daripada bangsa India iaitu 5.4% manakala selebihnya seramai 20 orang lagi adalah daripada lain-lain bangsa termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak iaitu 5.7%. Berdasarkan Kelayakan Kemasukan UUM, majoriti responden memiliki STPM iaitu seramai 184 orang (52.4%), 75 orang adalah daripada Matrikulasi iaitu 21.4% dan 59 orang adalah daripada program Diploma iaitu 16.8%. Dari segi umur pula, majoriti responden iaitu seramai 249 (71 %) orang berumur antara 22 hingga 23 tahun, yakni boleh dikatakan dalam tahun dua ke tahun tiga pengajian.

Jadual 3: Tahap persepsi mahasiswa terhadap faktor pengangguran

Item	Purata Min
Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal	3.45
Sikap memilih pekerjaan	3.18
Kegagalan penguasaan bahasa inggeris	3.83
Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga	4.36
Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	4.01

Berdasarkan, empat soalan dalam setiap item yang ditanya, Jadual 3 memaparkan min purata bagi kelima-lima faktor pengangguran. Faktor ‘Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga’ mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.36, diikuti item ‘Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan’ bacaan 4.01, manakala bacaan terendah (3.18) adalah item ‘Sikap memilih pekerjaan’. Faktor ‘Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal’ mempunyai skor 3.45, dan faktor ‘Kegagalan penguasaan bahasa inggeris’ dengan min 3.83. Persepsi mahasiswa menunjukkan mereka memikirkan persediaan yang perlu dilengkapi sebelum melangkah ke dunia pekerjaan.

Jadual 4: Analisis faktor pengangguran yang paling mempengaruhi persepsi mahasiswa

Item	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal	47	13.4
Sikap memilih pekerjaan	176	50.1
Kegagalan penguasaan bahasa inggeris	35	10.0
Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga	45	12.8
Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan	48	13.7

Berdasarkan Jadual 4, dapat dilihat faktor yang dipilih sebagai paling mempengaruhi persepsi terhadap pengangguran ialah ‘Sikap memilih pekerjaan’. Separuh daripada keseluruhan 351 orang responden telah memilih faktor ini iaitu seramai 176 (50.1%). Seterusnya, faktor kedua yang dilihat paling mempengaruhi ialah ‘Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan’ iaitu seramai 48 orang (13.7%) memilih faktor ini dan diikuti oleh faktor ketiga iaitu ‘Kegagalan individu memiliki kemahiran teknikal’ yang dipilih oleh 47 orang (13.4%). Dua pilihan terendah adalah faktor ‘Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga’ 45 orang (12.8%) dan ‘Kegagalan penguasaan Bahasa Inggeris’ hanya 35 orang (10.0%). Ini adalah satu dapatan yang boleh dikira realistik kerana mahasiswa tidak hanya menyalahkan persekitaran ekonomi dan peluang di luar sana, tetapi juga mengambil peduli tentang sikap mereka terhadap pekerjaan.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengupas faktor-faktor pengangguran dan persepsi mahasiswa UUM terhadap faktor pengangguran siswazah, di mana seramai 351 orang responden telah menyertai kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap persepsi terhadap terhadap kelima-lima faktor ini agak tinggi, dengan faktor 'Kurang persiapan dalam menghadiri proses temuduga' mencatatkan min skor tertinggi dengan bacaan 4.36, diikuti item 'Kemahiran yang dimiliki tidak selari dengan jawatan' bacaan 4.01. Di sini mahasiswa amat prihatin dengan apa yang bakal ditempuh mereka dalam menjejaskan kaki ke alam pekerjaan. Namun demikian, apabila ditanya faktor manakah yang paling mempengaruhi pengangguran, persepsi mereka berubah kepada item 'Sikap memilih pekerjaan'. Separuh daripada keseluruhan 351 orang responden telah memilih faktor ini iaitu seramai 176 (50.1%). Dapatan kajian ini juga mencerminkan kematangan persepsi mahasiswa terhadap isu pengangguran. Walaupun aspek eksternal seperti ekonomi sejagat dan pasaran buruh tidak dapat kita kawal secara amnya, namun aspek internal atau sendiri seperti menambah kemahiran interpersonal contohnya masih dalam jangkauan graduan itu sendiri. Kemahiran yang bersesuaian ini masih boleh dipertingkatkan sebagai nilai tambah apabila tamat pengajian kelak. Mahasiswa perlu mencari ruang dan peluang semasa di universiti untuk mempersiapkan diri sebelum melangkah ke dunia pekerjaan. Kajian ini boleh diperluaskan pada masa akan datang dengan menggunakan kaedah temubual dan juga membuat perbandingan dengan pelajar IPTA/IPTS lain.

Rujukan

- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan. (2nd ed.)* Malaysia: McGraw Hill.
- Dian Hikmah Mohd Ibrahim & Mohd Zaidi Mahyuddin. (2017). *Laporan Tahunan 2016*. Diakses pada 1 Mac 2018 daripada https://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2016/cp04_003_rencana.pdf
- Fazilah Mohd Othman & Norshafizah Hanafi. (2019). *Graduate Employability Revisited. Proceedings of 2nd International Conference on Management and Communication (ICMC)* 2019.
- Goh Mei Gee. (2007). *Pengangguran di Malaysia Satu Kajian Empirikal*. Projek Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Universiti Utara Malaysia.
- International Labour Organisation, ILO. (2016). *World Employment and Social Outlook: Youth*.
- Ismail, R., Yussof, I., & Lai, W. S. (2011). Employers' perceptions on graduates in Malaysian services sector. *International Business Management*, 5, 184-193.
- Minderjeet Kaur. (2016). *Henti sikap memilih kerja, kata pakar ekonomi*. Diakses pada 13 Mac 2018 daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/05/henti-sikap-memilih-kerja-kata-pakar-ekonomi/>
- Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril Rosli. (2017). *Lebih 1.7j pekerja asing sah di Malaysia*. Diakses pada 15 Mac 2018 daripada

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/306310/lebih-17j-pekerja-asing-sah-di-malaysia>

- Norhayati Baharin, Ishak Yussof & Rahmah Ismail. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII, Perak* (209-227). Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norliana Hashim, Chang Peng Kee & Mat Pauzi Abd. Rahman. (2016). STOPS: Mengungkai Isu Kebolehpasaran Graduan di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 139-164.
- Nur Farah Effa Zainal Abidin. (2016). *Kesan Inflasi Terhadap Pengangguran: Kajian Kes Dari Tahun 1984 Hingga 2014*. Projek Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Universiti Utara Malaysia.
- Nur Rahimah Ahmad Rahim. (2017). *Persepsi Pelajar Tahun Akhir Universiti Utara Malaysia Terhadap Masalah Pengangguran*. Projek Ilmiah Sarjana Muda Sains Ekonomi (Kepujian). Universiti Utara Malaysia.
- Nursyamimi Saidi. (2015). *Siswazah terlalu memilih pekerjaan*. Diakses pada 17 Mac 2018 daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/siswazah-terlalu-memilih-pekerjaan-1.83265>
- Portal Afterschool.my. (2016). *5 Punca Graduan Gagal Memperolehi Pekerjaan berdasarkan kaji selidik oleh Jobstreet*. Diakses pada 19 Mac 2018 daripada <https://afterschool.my/bm/berita/5-punca-graduan-gagal-memperolehi-pekerjaan-berdasarkan-kaji-selidik-oleh-jobstreet>
- Portal Berita Harian Online. (2014). *Malaysia perlukan ramai belia ceburi bidang kemahiran*. Diakses pada 21 Mac 2018 daripada <https://www.bharian.com.my/node/13867>
- Portal Berita Rokatini.com. (2017). *Graduan universiti semakin ramai, peluang pekerjaan terhad*. Diakses pada 23 Mac 2018 daripada <https://www.roketkini.com/2017/05/08/graduan-universiti-semakin-ramai-peluang-pekerjaan-terhad/>
- Portal Free Malaysia Today. (2017). *Lemah Bahasa Inggeris, tiada pengalaman punca graduan menganggur*. Diakses pada 25 Mac 2018 daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/11/13/lemah-bahasa-inggeris-tiada-pengalaman-punca-graduan-menganggur/>
- Portal MyNewsHub. (2016). *Penguasaan Kemahiran Teknikal, Vokasional Tarik Pelabur Asing*. Diakses pada 27 Mac 2018 daripada <https://www.mynewshub.cc/terkini/penguasaan-kemahiran-teknikal-vokasional-tarik-pelabur-asing/>
- Portal Utusan Borneo Online. (2017). *Terlalu memilih kerja punca graduan menganggur*. Diakses pada 3 April 2018 daripada <http://www.utusanborneo.com.my/2017/05/06/terlalu-memilih-kerja-punca-graduan-menganggur>
- Portal Utusan Online. (2017). *Masalah pekerja asing di Malaysia*. Diakses pada 5 April 2018 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/masalah-pekerja-asing-di-malaysia-1.436956>
- Siti Hajar Abdul Rauf & Maimunah Abdul Rauf. (2012). Keberkesanan Program Skil Latihan Graduan bagi Mengurangkan Kadar Pengangguran dalam Kalangan Siswazah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 3-12.
- Siti Suleha Woli Muhammad. (2013). *Persepsi Mahasiswa Mengenai Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengangguran Dalam Kalangan Siswazah (Ijazah)*. Projek Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Universiti Utara Malaysia.

- Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof & Abd Hair Awang. (2015). Antara Realiti Dan Harapan – Kajian Empirikal Persepsi Majikan Terhadap Prestasi Graduan Tempatan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(10), 27-36.
- Zaliza Hanapi & Mohd Safarin Nordin. (2013). Unemployment Among Malaysian Graduates: Graduates' Attributes, Lecturer Competency And Quality Of Education. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 112(2014), 1056-1063.
- Zolkifli Bedjo. (2015). *Pengangguran Siswazah Di Malaysia: Kajian Tahun 1985 sehingga 2014*. Projek Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Universiti Utara Malaysia.